



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 75/2024

LIGA SUKAN KOMUNITI MEDAN CUNGKIL BAKAT BAHARU SUKAN NEGARA

1. **Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim** telah merasmikan **Majlis Pembukaan Kejohanan Liga Sukan Komuniti Peringkat Kebangsaan Tahun 2024** bertempat di **Sports Arena @ UNITEN Kampus Putrajaya, Kajang**.
2. Majlis turut dihadiri oleh **Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), YBrs. Puan Azura Abidin**.
3. Kejohanan Liga Sukan Komuniti ini adalah anjuran **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** menerusi **JBSN** merupakan **kemuncak** kepada **penganjuran Liga Sukan Komuniti (LSK)** yang telah dijalankan di seluruh negara bermula bulan **Mei hingga Oktober 2024**. LSK telah melibatkan penyertaan seramai **60,512 orang peserta** di peringkat **daerah** dan **negeri**. Senarai acara dan lokasi pertandingan peringkat kebangsaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
4. Kejohanan yang mempertandingkan beberapa acara sukan termasuk **pingpong, bola tampar (wanita), sepak takraw dan bola baling** ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:
 - 4.1 mencungkil **bakat baharu sukan negara** terutamanya di peringkat akar umbi seterusnya digilap bagi mewakili negara di masa hadapan;
 - 4.2 menyemai **budaya sukan dalam kalangan masyarakat** selari dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan (*sporting nation*);
 - 4.3 meningkatkan **akses dan merakyatkan sukan** menerusi amalan gaya hidup aktif dan sihat; dan

- 4.4 mengukuhkan **perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti** serta bertindak sebagai langkah intervensi sosial bagi mengelakkan gejala negatif terutamanya melibatkan belia dan anak muda.
5. Pemenang setiap acara sukan akan membawa pulang wang tunai, trofi dan sijil. Majlis penutup LSK dijadualkan akan diadakan pada **27 Oktober (Ahad)**, jam **4.00 petang** di lokasi yang sama.
6. Penganjuran LSK turut menjadi arena memperkasakan pembangunan sukan seiring dengan aspirasi **Malaysia MADANI** dan **Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030)**.
7. Sekiranya terdapat pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai LSK, sila hubungi JBSN di talian **03-8871 3242** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

25 Oktober 2024

LAMPIRAN A**SENARAI ACARA DI BAWAH PENGANJURAN LIGA SUKAN KOMUNITI
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024**

BIL	ACARA	VENUE	PENYELARAS
1.	Pingpong	Dewan ILSAAS	Nama: Che Ahmad Taufiq bin Che Zakaria No. Telefon: 011-1010 1895 E-mel: ahmadtaufiq@kbs.gov.my
2.	Sepak Takraw	Sports Arena @ UNITEN	Nama: Muhammad Faiz bin Abdul Rahman No. Telefon: 019-464 3536 E-mel: faiz@kbs.gov.my
3.	Bola Tampar		Nama: Abdul Razak bin Abdul Rashid No. Telefon: 017-878 0826 E-mel: razak@kbs.gov.my
4.	Bola Baling		Nama: Hafizan bin Ahmad No. Telefon: 012-884 0223 E-mel: hafizan@kbs.gov.my

*Semua acara berlangsung di **UNITEN Kampus Putrajaya, Kajang.**